

30/10/2003

Pemikiran PM pendorong kejayaan cemerlang

SLOGAN 'Malaysia Boleh' begitu sinonim dengan masyarakat di negara ini dan

menjadi motivasi kepada banyak pihak sebagai pendorong kejayaan.

Ungkapan

kreatif idea Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu akan terus menjadi kata-kata semangat kepada rakyat negara ini. Terbukti semangat 'Malaysia Boleh' mampu menyuntik keyakinan dan semangat kepada individu dalam pelbagai bidang termasuk akademik, sukan, perniagaan dan keusahawanan.

Esok Perdana Menteri akan bersara setelah 22 tahun berkhidmat cemerlang

untuk negara. Sebagai tanda kasih kepada beliau, pelbagai reaksi diterima

daripada pelajar dan rata-rata mengucapkan terima kasih dan akan menjadikan idea, pemikiran dan personaliti pemimpin itu sebagai panduan dan teladan untuk mencapai cita-cita yang diimpikan.

Pelbagai cara dilakukan rakyat sebagai menghargai Perdana Menteri termasuklah berdoa, mengadakan majlis khas, menghantar kad ucapan, pembacaan sajak atau puisi, berkayak dan melalui lukisan. Majlis meraikan

persaraan Perdana Menteri juga diadakan serentak di semua sekolah di seluruh negara pagi ini.

Sebagai pelajar, idea, pemikiran dan slogan keramat 'Malaysia Boleh' sepatutnya dijadikan suntikan semangat dan sumber inspirasi untuk mencapai

kecemerlangan dalam akademik. Kita perlu buktikan bahawa keyakinan yang diterapkan Perdana Menteri itu menjadi dorongan untuk kita memajukan negara, memastikan keselamatan dan kestabilan negara terus terpelihara.

Kita sewajarnya mendalami dan memahami pemikiran Perdana Menteri sebagai

panduan untuk mencapai kejayaan gemilang demi agama, bangsa dan negara.

Datuk Seri Dr Mahathir dianggap paling istimewa dalam sejarah kepimpinan

negara dan antara negarawan terbilang yang sukar ditandingi.